

## i-TRAVEL EZY

### PENDAHULUAN

Takaful ialah skim bantuan bersama berdasarkan semangat persaudaraan dan perpaduan di mana para Peserta seperti Anda bersetuju untuk saling membantu satu sama lain dari segi kewangan bagi keperluan tertentu. Dengan niat ini, para Peserta membayar Sumbangan mereka berdasarkan Tabarru' (derma) kepada Dana Takaful Am (Dana) yang diuruskan oleh Etiqa General Takaful Berhad (Pengendali Takaful). Pembayaran jumlah yang dilindungi kepada para Peserta dibayar daripada Dana tersebut berdasarkan konsep Tabarru'.

Sebagai Pengendali Takaful, Kami bertanggungjawab memilih para Peserta serta menentukan dan mengumpulkan Sumbangan. Kami juga bertanggungjawab untuk melaburkan Dana dan membayar Manfaat kepada para Peserta yang berhak. Semua hasil daripada pelaburan akan dikreditkan ke dalam Dana. Dana ini dimiliki secara kolektif oleh para Peserta di mana bahagian sumbangan Tabarru' diletakkan untuk tujuan Takaful. Hubungan antara Anda dan Kami ditadbir oleh kontrak Wakalah (perwakilan).

Permohonan Anda untuk menyertai skim Takaful ini sebagai Peserta telah Kami terima berdasarkan permohonan yang Anda telah tandatangani berserta segala maklumat yang diberikan kepada Kami. Sekiranya Anda tidak mengisi Borang Permohonan, penerimaan Kami adalah berdasarkan kenyataan fakta dan apa-apa maklumat lain yang Anda berikan kepada Kami. Sebagai Peserta, Anda akan menerima perlindungan Takaful sekiranya berlaku kematian dan Hilang Upaya Kekal yang mungkin berlaku dalam Tempoh Takaful tertakluk kepada peraturan dan syarat kontrak Takaful ini.

Kontrak Takaful Anda terdiri daripada Borang Permohonan, Sijil ini dan Sijil Perlindungan. Anda harus menelitiinya untuk menentukan ianya menepati perlindungan yang Anda perlukan.

Skim Takaful ini adalah tertakluk kepada Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia (BNM). Satu keperluan akta ini ialah penubuhan Jawatankuasa Syariah untuk memberi nasihat kepada Kami supaya tidak terlibat dalam aktiviti yang ditegah oleh Syariah.

### APAKAH YANG MEMBENTUK SIJIL INI

Takaful tidak melindungi Anda daripada kesemua yang boleh berlaku.

Tajuk tidak dikira sebahagian daripada pernyataan Sijil.

Sijil ini dikeluarkan sejajar dengan pembayaran Sumbangan seperti yang ditetapkan dalam Sijil Perlindungan dan menurut kepada kenyataan yang telah dikemukakan di dalam Borang Permohonan Anda (atau semasa memohon takaful ini) dan segala kenyataan yang telah dibuat oleh Anda di antara masa penyerahan Borang Permohonan (atau semasa memohon takaful ini) dan pada masa perjanjian ini ditandatangani. Jawapan dan apa-apa pendedahan lain yang telah Anda berikan akan menjadi sebahagian daripada kontrak takaful antara Anda dan pihak Kami. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat sebarang salah nyata semasa pra-kontrak berhubung dengan jawapan Anda atau di mana-mana pendedahan yang Anda berikan, hanya remedii yang terdapat dalam Jadual Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 akan diguna pakai.

Sijil ini merangkumi terma-terma dan syarat-syarat kontrak takaful seperti yang dipersetujui antara Anda dan pihak Kami.

Sijil ini menyatakan perlindungan takaful yang Anda terima seperti yang ditunjukkan dalam Sijil Perlindungan dan keadaan-keadaan di mana Anda dilindungi dan tidak dilindungi.

Untuk membantu memelihara alam sekitar, Kami akan menghantar satu (1) salinan Sijil sahaja. Sila simpan Sijil ini di tempat yang selamat. Dalam pindaan syarat Sijil, Kami akan menghantar Endorsemen sahaja kepada Anda. Sekiranya pada bila-bila masa Anda mahu salinan penggantian dokumen ini, sila hubungi Kami dan Kami sedia membantu.

### KEWAJIPAN ANDA UNTUK MEMBERITAHU KAMI

#### 1. Komunikasi

Semua komunikasi kepada Kami mesti dibuat secara bertulis atau Anda boleh hubungi Etiqa Online di 1300 13 8888.

#### 2. Kewajipan pendedahan sebelum takaful ini diberikan

- i) Apabila Anda telah memohon takaful ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesi Anda, Anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan yang terdapat dalam Borang Permohonan (atau semasa memohon takaful ini) sebagai contoh, Anda perlu menjawab soalan-soalan dengan penuh dan tepat. Kegagalan dalam mengambil langkah munasabah dalam menjawab soalan-soalan boleh mengakibatkan pembatalan kontrak takaful Anda, keengganan atau pengurangan gantirugi Anda, perubahan terma atau penamatkan kontrak takaful Anda selaras dengan remedii dalam Sijil Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Anda juga dikehendaki mendedahkan perkara-perkara lain yang Anda tahu akan mempengaruhi keputusan Kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan dikenakan.
- ii) Sekiranya Anda tidak memberikan maklumat ini dengan sepenuhnya dan sejurnya, takaful ini mungkin tidak sah atau Sijil mungkin tidak melindungi Anda dengan sepenuhnya.

#### 3. Kewajipan pendedahan sepanjang tempoh takaful ini

Anda dikehendaki memberitahu Kami dengan serta-merta sekiranya pada bila-bila masa selepas kontrak takaful ini atau mana-mana Sijil lain yang berkuatkuasa ke atas Anda atau oleh Anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan Kami, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Permohonan (atau semasa memohon takaful ini atau Sijil-sijil lain) tidak tepat atau telah berubah termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa perubahan dalam pekerjaan Anda, tugas kerja, aktiviti sukan, atau apa-apa maklumat berkaitan yang boleh meningkatkan risiko termasuk sebarang penyakit, kecacatan atau keuzuran fizikal atau mental. Kami mungkin:

- i) meminta Anda membayar Sumbangan tambahan bagi peningkatan risiko tersebut;
- ii) membuat perubahan kepada terma dan syarat Sijil ini; atau
- iii) membiarkan terma, syarat dan Sumbangan Sijil seadanya tanpa diubah.

Anda akan hanya dilindungi untuk apa-apa peningkatan risiko sekiranya dipersetujui secara bertulis oleh pihak Kami.

## DEFINISI

Melainkan dinyatakan atau ditakrifkan sebaliknya, definisi dengan taksiran yang dinyatakan di bawah, akan digunakan kepada Sijil ini.

**Dana Takaful Am (Dana)** bermaksud akaun Peserta di mana bahagian Tabarru' daripada Sumbangan dimasukkan bagi tujuan Takaful. Dana ini dimiliki secara kolektif oleh para Peserta dan Jumlah yang Dilindungi yang ditunjukkan di dalam Jadual Takaful adalah dibayar daripada Dana tersebut.

**Data Peribadi** bermaksud apa-apa maklumat yang berkait secara langsung atau tidak langsung kepada Anda dan meliputi mana-mana individu yang data peribadinya telah dikemukakan oleh Anda, yang dikenal pasti atau boleh dikenal pasti daripada maklumat tersebut atau daripada maklumat tersebut dan maklumat lain dalam milikan Kami, termasuk mana-mana data peribadi sensitif dan pernyataan pendapat tentang Anda dan individu tersebut. Bagi tujuan penjelasan, data peribadi Anda mungkin boleh diberikan kepada Kami oleh pihak ketiga yang berkuasa.

**Endorsemen** bermaksud perubahan bertulis atau pindaan ke atas maklumat, terma-terma, dan syarat-syarat Sijil ini. Endorsemen ke atas Sijil ini mesti dikeluarkan oleh pihak Kami.

**Kelewatan** bermaksud melebihi tiga puluh (30) minit di antara Masa Berlepas Dijadualkan dan Masa Berlepas Sebenar oleh Pengangkut Berjadual.

**Kami** bermaksud Etiqa General Takaful Berhad.

**Kawasan Geografi** bermaksud Sijil ini merujuk kepada Malaysia.

**Keganasan** bermaksud tindakan, atau tindakan-tindakan, oleh mana-mana orang atau sekumpulan orang, yang dilakukan atas tujuan politik, agama, ideologi atau yang seumpamanya dengan niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau untuk membuat orang awam atau sebahagian orang awam, dalam ketakutan. Keganasan termasuk, tetapi tidak terhad kepada, penggunaan sebenar kekerasan atau keganasan dan/atau ugutan penggunaan tersebut. Keganasan tersebut dilakukan secara bersendirian atau bagi pihak, atau yang berkaitan dengan mana-mana organisasi atau kerajaan. Keganasan hendaklah juga termasuk apa-apa perbuatan yang disahkan atau diiktiraf oleh kerajaan (yang berkaitan) sebagai tindakan keganasan dan/atau di kawal di bawah undang-undang yang berkaitan.

**Manfaat** bermaksud manfaat seperti yang dinyatakan dalam Sijil, Sijil Perlindungan dan/atau Endorsemen, dibayar oleh Kami di bawah terma-terma, pengecualian-pengecualian dan syarat-syarat Sijil ini bagi setiap kejadian atau kerugian yang dilindungi oleh Sijil ini.

**Masa Berlepas Berjadual** bermaksud waktu penerbangan berlepas seperti yang dinyatakan pada tiket penerbangan di Pengangkut Berjadual pada masa pembelian tiket penerbangan atau di mana penerbangan itu telah dijadualkan semula, masa berlepas baru seperti yang diumumkan atau dinyatakan oleh Pengangkut Berjadual.

**Masa Berlepas Sebenar** bermaksud masa apabila penyendal dikeluarkan dari roda sebelum pesawat ditolak ke belakang dari pintu masuk lapangan terbang.

**Ombudsman Perkhidmatan Kewangan**, atau **OPK** bermaksud suatu badan bebas yang ditubuhkan untuk membantu menyelesaikan pertikaian di antara Pihak Menuntut dan Kami, sebagai alternatif selain mahkamah.

**Orang Yang Dilindungi dan Anda** bermaksud orang yang dinamakan di dalam Sijil Perlindungan sebagai Orang Yang Dilindungi dan mestilah seorang Warganegara Malaysia, penduduk tetap Malaysia atau penduduk yang bekerja secara sah di Malaysia.

**Peserta** bermaksud orang yang dinamakan di dalam Sijil Perlindungan sebagai individu yang mempunyai hak sepenuhnya ke atas Sijil dan seorang warganegara Malaysia atau penduduk tetap atau bekerja secara sah di Malaysia, mempunyai akaun bank yang sah di Malaysia.

**Pengangkut Berjadual** bermaksud penerbangan komersil yang berjadual dan disenaraikan dengan pihak berkuasa yang berkaitan di dalam negara, berdaftar dan dikendalikan oleh syarikat penerbangan yang memegang sijil sah, lesen atau kebenaran serupa untuk perkhidmatan pengangkutan berjadual dan mengekalkan dan mengumumkan jadual dan tariff kepada penumpang antara lapangan terbang yang dinamakan pada waktu yang tetap dan spesifik sesuai dengan kebenaran tersebut.

**Pihak Menuntut** bermaksud orang yang layak membuat tuntutan ke atas Manfaat takaful, mengikut terma-terma dan syarat-syarat di dalam Sijil ini.

**Sijil** bermaksud kontrak takaful Anda yang mengandungi pernyataan Sijil ini, Sijil Perlindungan dan sebarang Endorsemen.

**Sumbangan** bermaksud apa-apa jumlah yang Kami tetapkan untuk Anda bayar di bawah Sijil ini dan termasuk caj-caj yang ditetapkan oleh Kerajaan.

**Sijil Perlindungan** bermaksud Sijil Perlindungan di mana Manfaat dan Jumlah Yang Dilindungi dinyatakan.

**Tabarru'** bermaksud sumbangan, derma atau hadiah. Dalam konteks Sijil ini, ia bermaksud Sumbangan untuk tujuan Takaful. Bahagian ini disimpan dalam Dana Takaful Am.

**Teman Seperjalanan** bermaksud individu yang membuat perjalanan bersama Peserta sebagai satu kumpulan dan menaiki penerbangan yang sama dan Pengangkut Berjadual yang sama, seperti yang diisyiharkan oleh Peserta di dalam Sijil Perlindungan.

**Tempoh Takaful** tempoh bermula satu (1) jam sebelum Masa Berlepas Berjadual dan tamat semasa Masa Berlepas Sebenar.

**Wakalah** adalah merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal memberi kuasa kepada pihak lain sebagai ejennya untuk melakukan tugas-tugas tertentu berkenaan hal-hal yang dipertanggungjawabkan, dengan atau tanpa mengenakan sebarang fi. Dalam konteks Sijil ini, ia bermaksud Anda telah melantik Kami untuk melabur dan menguruskan Dana Takaful Am bagi pihak Anda. Anda juga memberikan kuasa kepada Kami untuk mewakilkan hak, tanggungjawab dan kewajipan kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang dianggap sesuai oleh Kami. Sekiranya ada perwakilan sedemikian, Kami akan tetap bertanggungjawab terhadap semua hak, tanggungjawab dan kewajipan terhadap Anda.

## KETERANGAN MANFAAT

Kami akan membayar manfaat tunai Ringgit Malaysia Enam Puluh (RM60.00) sekiranya berlaku kelewatan penerbangan yang dialami oleh setiap Orang yang Dilindungi di bawah Sijil ini semasa Tempoh Takaful.

Perlindungan di bawah seksyen ini hanya terpakai kepada Orang Yang Dilindungi yang telah membeli tiket penerbangan yang sah mengikut Pengangkut Berjadual dan peraturan-peraturannya.

Peserta boleh menyertai Sijil ini untuk melindungi Teman Seperjalanan yang telah bersetuju untuk dilindungi di bawah Sijil ini dan berada dalam penerbangan yang sama seperti Peserta yang membayar Sumbangan yang berkaitan.

## SYARAT-SYARAT AM

### 1. Kewajipan untuk mematuhi Syarat-syarat

Kami hanya akan bertanggungjawab untuk membuat apa-apa bayaran di bawah Sijil ini sekiranya Anda sepanjang masa mematuhi terma-peruntukan dan syarat-syarat dalam Sijil ini.

### 2. Fraud/Penipuan

Sekiranya apa-apa tuntutan dibuat secara fraud/penipuan atau sebarang kaedah penipuan, termasuk menaikkan atau menambah tuntutan atau penyerahan dokumen palsu atau dipalsukan, yang digunakan untuk mendapatkan Manfaat oleh Anda atau sesiapa yang bertindak bagi pihak Anda, semua Manfaat di bawah Sijil ini akan terlucut hak.

### 3. Makluman Tuntutan

- Sebuah tuntutan mestilah diberitahu kepada Kami dengan secepat mungkin selepas apa-apa kejadian yang mungkin membenarkan Anda untuk membuat tuntutan di bawah Sijil ini.
- Bayaran Manfaat mestilah berkenaan dengan Kelewatan Penerbangan Domestik yang berlaku di dalam Kawasan Geografi semasa Tempoh Takaful dan tertakluk kepada syarat Peserta memberikan semua maklumat yang diperlukan.

### 4. Penamatan Sijil

#### a) Penamatan Oleh Anda

Sekiranya Anda memberi notis rasmi secara bertulis sekurang-kurangnya tiga (3) hari sebelum Masa Berlepas Sebenar kepada Kami untuk menamatkan Sijil, atau untuk menamatkan perlindungan untuk Orang Yang Dilindungi, maka penamatan itu akan berkuat kuasa daripada tarikh notis diterima oleh Kami atau pada tarikh yang dinyatakan di dalam notis atau mana-mana tarikh yang terkemudian.

Semasa penamatan Sijil, Kami akan mengembalikan Sumbangan bersama dengan duti setem yang telah dibayar dengan mengreditkan jumlah yang tertentu ke dalam akaun Peserta, mengikut butiran nombor akaun yang diberikan kepada Kami.

#### b) Penamatan Oleh Kami

Kami akan memberi notis penamatan (dengan syarat ianya adalah perlu, munasabah dan wajar) dengan menghantar ke alamat emel terakhir Anda atau melalui mel elektronik yang Kami diketahui. Penamatan akan berkuatkuasa selepas tujuh (7) hari notis diterima atau tarikh yang dinyatakan di dalam notis, mana-mana yang terkemudian.

#### c) Penamatan Secara Automatik

Sijil ini akan tamat secara automatik apabila Masa penerbangan Sebenar Berlepas.

### 5. Pembayaran Sumbangan – Tunai Sebelum Perlindungan

Anda harus membayar Sumbangan sebelum perlindungan di bawah Sijil ini berkuatkuasa.

### 6. Takaful-Takaful Lain

Tiada seorang pun boleh dilindungi lebih daripada satu (1) Sijil i-Travel Ezy yang dikeluarkan oleh Kami. Sekiranya Orang Yang Dilindungi dilindungi di bawah lebih daripada satu (1) Sijil, Kami akan menganggap bahawa Orang Yang Dilindungi di bawah Sijil yang menyediakan jumlah Manfaat yang terbesar. Sekiranya pada masa apa-apa kerugian, kerosakan atau liabiliti yang timbul di bawah Sijil ini, terdapat apa-apa Takaful lain yang melindungi kerugian, kerosakan atau liabiliti yang sama, Kami akan hanya membayar bahagian Kami.

### 7. Mata Wang

Seuja pembayaran yang dibayar di bawah Sijil ini hendaklah dalam Ringgit Malaysia.

### 8. Undang-Undang yang Terpakai

Sijil ini hendaklah ditadbir oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia.

### 9. Pihak Ketiga

Tiada apa-apa dalam Sijil ini bertujuan untuk memberi apa-apa hak kepada mana-mana pihak ketiga untuk menguatkuasakan mana-mana terma Sijil ini atau memberi apa-apa Manfaat kepada mana-mana pihak ketiga di bawah Sijil ini.

### 10. Fasal Timbang Tara

Semua perselisihan, kontroversi atau tuntutan yang timbul daripada atau yang berkaitan dengan Sijil ini akan dirujuk dan diputuskan oleh seorang Penimbang Tara. Penimbang Tara akan dilantik secara bertulis oleh pihak-pihak yang bercanggah, atau sekiranya mereka tidak dapat memilih seorang Penimbang Tara yang dipersekutui bersama, dua orang Penimbang Tara akan dilantik untuk membuat keputusan, setiap seorang dilantik secara bertulis oleh setiap pihak. Pelantikan hendaklah dibuat dalam masa satu (1) bulan kalendar selepas dikehendaki berbuat demikian oleh pihak-pihak tersebut. Sekiranya pemilihan Penimbang Tara tidak mendapat persetujuan bersama, Pengadil akan dilantik secara bertulis oleh kedua-dua Penimbang Tara mengikut Pusat Timbang Tara Antarabangsa (AIAC) untuk i-Kaedah Penimbang Tara. Pengadil hendaklah menetapkan dan mengisyiharkan keputusan yang ditentukan oleh Penimbang Tara hendaklah diperolehi dahulu sebelum apa-apa tindakan ke atas Kami. Tempat untuk timbang tara haruslah di Kuala Lumpur, Malaysia.

Sekiranya Kami menafikan liabiliti kepada Anda untuk sebarang tuntutan yang berkenaan, tuntutan itu haruslah tidak melebihi dua belas (12) bulan daripada tarikh pertikaian yang telah dirujuk kepada Penimbang Tara di bawah peruntukan yang terkandung di sini, maka tuntutan bagi semua maksud dan tujuan hendaklah dianggap telah diabaikan dan selepas itu tidak boleh dituntut.

### 11. Prosiding Undang-undang

Tiada tindakan undang-undang atau ekuiti boleh dibuat untuk mendapat ganti rugi di bawah Sijil ini sebelum tamat tempoh enam puluh (60) hari selepas bukti kerugian bertulis telah diberikan menurut keperluan Sijil ini. Sekiranya Orang Yang Dilindungi gagal memberikan bukti kerugian yang diperlukan seperti yang ditetapkan oleh terma, peruntukan dan syarat Sijil ini, Orang Yang Dilindungi boleh, dalam tempoh satu tahun (1) kalendar dari masa bertulis bagi kerugian itu diberikan, menyerahkan bukti kerugian yang berkaitan kepada Kami dengan alasan

yang kukuh bagi kegagalan untuk mematuhi terma, peruntukan dan syarat-syarat. Selepas tempoh itu tamat, Kami tidak akan menerima, apa-apa sebab sekalipun, bukti bertulis tentang kerugian itu.

## 12. Perubahan dan Pertukaran

Tiada perubahan di dalam Sijil ini sah melainkan mendapat kebenaran daripada Kami dan telah disahkan.

## 13. Notis Amanah atau Penyerahan Hak

Kami tidak akan terikat untuk menerima atau dipengaruhi oleh mana-mana notis amanah, gadaian, lien, penyerahan hak atau lain-lain, seumpamanya yang berkaitan dengan Sijil ini.

## 14. Fasal Had Sekatan

Sijil ini tidak akan memberikan perlindungan dan Kami tidak akan bertanggungjawab untuk membayar apa-apa tuntutan atau memberikan apa-apa Manfaat di bawah ini di mana peruntukan perlindungan, pembayaran tuntutan, atau peruntukan Manfaat tersebut akan mendedahkan Kami kepada mana-mana larangan atau sekatan di bawah Resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, atau sekatan, undang-undang atau peraturan-peraturan perdagangan atau ekonomi Kesatuan Eropah, United Kingdom atau Amerika Syarikat.

## 15. Hak untuk menamatkan kerana Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan

Jika Kami mengetahui atau mengesyaki bahawa Sijil ini dimanfaatkan untuk kegiatan pengubahan wang haram atau untuk membiayai Keganasan, Kami berhak untuk menamatkan Sijil ini dengan serta-merta. Kami akan menguruskan semua Sumbangan yang dibayar dan semua Manfaat atau jumlah yang dibayar berkenaan dengan Sijil ini melalui apa-apa cara yang Kami anggap sesuai, termasuk tetapi tidak terhad kepada menyerahkannya kepada pihak berkuasa berkaitan.

## 16. Subrogasi

Sekiranya Kami bertanggungjawab bagi sebarang bayaran di bawah Sijil ini, Kami akan disubrogasikan tertakluk kepada had bayaran tertentu untuk semua hak dan remedii Anda terhadap mana-mana pihak, dan adalah berhak atas perbelanjaan Kami sendiri untuk menyaman atas nama Anda. Anda akan memberikan atau akan menyebabkan untuk diberikan kepada semua bantuan tertentu dalam kuasa Anda sebagaimana Kami akan perlukan untuk mendapat hak dan remedii dan atas permintaan Kami hendaklah menandatangani atau menyebabkan untuk ditandatangani semua dokumen sewajarnya bagi membolehkan Kami secara berkesan menyampaikan saman menggunakan nama Anda.

## 17. Perubahan kepada Percuaian, Peraturan dan Perundangan

Kami boleh mengubah terma-terma dalam Sijil ini jika terdapat perubahan dalam percuaian, peraturan atau perundangan yang menjelaskan Sijil ini. Kami akan memaklumkan Anda secara bertulis apabila terma-terma dalam Sijil ini perlu diubah.

## 18. Tanggungjawab dan Hak Terhadap Data Perlindungan

Kami berhak untuk memproses Data Peribadi menurut Seksyen 4 Akta Perlindungan Data Peribadi 2010. Kami juga berhak untuk mendedahkan Data Peribadi yang telah diberikan oleh Anda sebagaimana yang dituntut berdasarkan konteks, kepada:

- a) Etiqa General Insurance Berhad, Etiqa General Takaful Berhad, Etiqa Life Insurance Berhad, Etiqa Family Takaful Berhad, Etiqa Life International (L) Ltd atau Etiqa Offshore Insurance (L) Ltd.;
- b) Entiti-entiti lain dalam Kumpulan Maybank;
- c) Ejen-ejen dan penyedia perkhidmatan Kami yang diberi kuasa yang dengannya Kami telah mengikat perjanjian kontrak untuk beberapa fungsi, perkhidmatan dan aktiviti Kami;
- d) Lain-lain syarikat insurans atau pengendali takaful dan wakil pengedar (contohnya, bank, bank Islam, broker insurans, broker takaful, syarikat insurans semula dan pengendali takaful semula);
- e) Pertubuhan perdagangan industri seperti Persatuan Insurans Hayat Malaysia (LIAM), Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) dan Persatuan Takaful Malaysia (MTA);
- f) Pedagang dan rakan kongsi strategik Kami;
- g) Mana-mana pihak yang diberi kuasa oleh Anda (dari semasa ke semasa); atau
- h) Penguatkuasaan peraturan dan agensi-agensi kerajaan yang dibenarkan atau dikehendaki oleh undang-undang, yang diberi kuasa oleh mana-mana perintah mahkamah atau untuk memenuhi kewajiban kepada pihak berkuasa.

Anda perlu memastikan semua Data Peribadi dikemaskini kepada Kami pada kadar segera.

Kami tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan secara langsung atau tidak langsung terhadap Data Peribadi yang tidak tepat atau tidak lengkap yang diberikan kepada Kami. Kami dari semasa ke semasa berhak untuk meminta Anda untuk memberikan Data Peribadi lain yang dikehendaki bagi tujuan Sijil ini.

Sebelum memberikan Kami Data Peribadi Orang Yang Dilindungi, atau mana-mana individu, Anda hendaklah memaklumkan individu tersebut mengenai notis privasi Kami.

Untuk butiran terperinci notis privasi mengenai bagaimana Kami mengumpul, menggunakan, memproses, melindungi dan mendedahkan Data Peribadi Anda, sila kunjungi cawangan Kami, hubungi Etiqa Oneline di talian 1300 13 8888, atau rujuk ke laman web Kami di [www.etiqa.com.my](http://www.etiqa.com.my).

## APA YANG TIDAK DILINDUNGI

Kami tidak akan membayar kepada Anda dan/atau Orang Yang Dilindungi bagi apa jua akibat yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh mana-mana yang berikut:

1. Kelewatan perjalanan yang disebabkan oleh mogok atau tindakan perindustrian yang berlaku atau diumumkan sebelum menyertai Sijil ini;
2. Penerbangan dibatalkan oleh Pengangkut Berjadual;
3. Sekiranya Peserta sedar sebelum Sijil dikeluarkan yang mungkin menyebabkan penerbangan dilewatkhan dari sebarang sebab; atau
4. Peperangan, serangan, tindakan musuh asing, permusuhan (sama ada peperangan diisyiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, insureksi, dahagi atau rampasan kuasa, kebangkitan tentera atau orang awam.

## KENYATAAN MAKLUMAT SIJIL

1. Sekiranya terdapat sebarang perubahan alamat, sila beritahu Kami dengan segera.
2. Untuk sebarang pertanyaan selain dari tuntutan, sila hubungi Kami di:

Etiqa General Takaful Berhad  
Tingkat 13, Menara B, Dataran Maybank  
No. 1, Jalan Maarof  
59000 Kuala Lumpur, Malaysia  
Nombor Telefon: +603 2297 3888  
Nombor Faksimile: +603 2297 3800  
Etiqa Oneline: 1300 13 8888  
E-mel: info@etiqqa.com.my  
Laman Web: www.etiqqa.com.my

3. Untuk sebarang tuntutan di bawah Sijil ini, sila hubungi Bantuan Tuntutan Kami di talian 1300 88 1007.

## PROSEDUR ADUAN

Sekiranya Anda dapat perkhidmatan Kami memerlukan penambahbaikan, sila berikan Kami maklum balas Anda dengan menghubungi Kami melalui pos di:

Unit Pengurusan Aduan  
Etiqa General Takaful Berhad  
Tingkat 6, Menara B, Dataran Maybank  
No. 1, Jalan Maarof  
59000 Kuala Lumpur, Malaysia;

Atau melalui telefon 1300 13 8888 atau +603 2780 4500 (Luar Negara)  
Nombor Faksimile: +603 2297 1919  
E-mel: complaint\_cmu@etiqqa.com.my

Kami akan memastikan maklum balas Anda dilayani.

Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OPK) dan Bank Negara Malaysia Laman Informasi, Nasihat & Khidmat (BNMLINK) juga menyediakan pendekatan alternatif dalam memberikan peluang kepada orang ramai untuk membetulkan amalan pasaran yang tidak adil.

### **PROSEDUR MEMBUAT ADUAN KEPADA OPK**

Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OPK) boleh dihubungi oleh Pihak Menuntut atau Peserta, sekiranya Pihak Menuntut atau Peserta tidak berpuas hati dengan keputusan Kami terhadap sebarang pertikaian, atau kegagalan Kami untuk memberi maklum balas balas terhadap sebarang aduan dalam tempoh enam puluh (60) hari. Anda boleh menghubungi OPK melalui:

E-mel: enquiry@ofs.org.my  
atau  
Nombor Faksimile: +603 2272 1577  
atau

Alamat Pos:  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Ombudsman Perkhidmatan Kewangan  
Tingkat 14, Blok Utama  
Menara Takaful Malaysia  
No.4, Jalan Sultan Sulaiman  
50000, Kuala Lumpur

Sebagai alternatif, Pihak Menuntut atau Peserta boleh memfailkan pertikaian itu secara peribadi di pejabat OPK.

OPK perlu dihubungi dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh keputusan muktamad dari Kami berkenaan pertikaian yang dibuat Pihak Menuntut atau Peserta.

Untuk maklumat lanjut mengenai OPK, sila dapatkan risalah maklumat daripada Kami atau layari laman web OPK di [www.ofs.org.my](http://www.ofs.org.my).

Penglibatan OPK adalah tertakluk kepada terma-terma rujukan menurut Seksyen 138 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Menghubungi OPK tidak akan menjelaskan hak Pihak Menuntut atau Peserta untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap Kami sekiranya mereka tidak berpuas hati dengan keputusan oleh OPK.

### **PROSEDUR MEMBUAT ADUAN KEPADA BNMLINK**

Mana-mana Peserta atau Pihak Menuntut yang tidak berpuas hati dengan cara pengendalian oleh sesebuah Pengendali Takaful boleh menulis kepada BNMLINK dengan memberikan butiran tentang aduan, nama Pengendali Takaful dan nombor Sijil atau nombor tuntutan.

Salinan surat-menyerat (sekitar ada) antara Peserta atau Pihak Menuntut dan Pengendali Takaful juga boleh disertakan untuk memudahkan kerja mencari fail kes yang disimpan oleh Pengendali Takaful.

Alamat surat menyurat adalah seperti berikut:

Pengarah, Jabatan LINK dan Pejabat Wilayah  
Bank Negara Malaysia  
Jalan Dato' Onn  
50480 Kuala Lumpur, Malaysia  
Nombor Telefon: 1300 88 5465  
Nombor Faksimile: +603 2174 1515  
E-mel: bnmlink@bnm.gov.my